



**MEDIA ONLINE /
PORTAL BERITA/MEDIA BEBAS**

18 MEI 2017

Disediakanoleh : Unit KomunikasiKorporat

ISU : PERKHIDMATAN UTC

BIL.	TARIKH	AKHBAR & TAJUK BERITA	PIHAK TERLIBAT
1.	18 MEI 2017 (KHAMIS)	MALAYSIA DIGEST UTC Is A World Class Product - DPM BERITA HARIAN UTC Produk Luar Biasa Malaysia UTUSAN MALAYSIA UTC projek luar biasa, bertaraf dunia BERNAMA UTC Is A World Class Product - DPM	UTC KEMENTERIAN KEWANGAN

AKHBAR : MALAYSIA DIGEST

UTC Is A World Class Product - DPM



PUTRAJAYA - The Urban Transformation Centre (UTC), which was created to facilitate a variety of services under one roof for the people's convenience, is a world-class product, said Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi. He said the UTC which was an initiative under the National Blue Ocean Strategy has created history as the most extraordinary local product ever generated.

He said a total of 48.5 million people had utilised the services from various government departments and agencies at 18 UTCs in the country since its inception in 2012. "The establishment of the UTCs was to ensure delivery of government services to the people were carried out in the most innovative and creative way. "The concept of the UTC which brings together various government departments, agencies and the private sector under one roof can only be found here in Malaysia and is the first of its kind in the world," he said at a UTC Management event here Wednesday night.

Ahmad Zahid said three elements had played an important role in making the UTC as outstanding service providers. "Firstly, we had constraints in terms of the UTC set up, staff shortage and placement and the budget to be implemented. "It is not easy for government departments and agencies to be involved in the UTC operations until today. The establishment of the UTC which has now become a successful and creative service provider should be commended," he said.

In the meantime, he said by renovating and transforming 'white elephant' building projects to be used as UTC proved to be a success for the government'. "We were thinking in terms of creating added value to existing buildings to be used as service centres offering a variety of services to the people. "In addition, through excellent management the renovation and transformation of the buildings were completed within the time frame," he said.

Meanwhile, Ahmad Zahid described the establishment of the UTC as very close to his heart because he had worked together with the prime minister in developing the project. At the event, Ahmad Zahid also launched the UTC Establishment and Management Guidebook which explained in detail the roles and responsibilities of UTC managers in managing the UTC, including operation hours, rental of office space, maintenance, utility fees and UTC asset management.

AKHBAR : BERITA HARIAN

UTC Produk Luar Biasa Malaysia

PUTRAJAYA : Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata Pusat Transformasi Bandar (UTC) adalah produk luar biasa Malaysia, yang memberikan perkhidmatan kepada 45.8 juta rakyat sejak diwujudkan pada 2012. Timbalan Perdana Menteri berkata, tidak ada satu pun negara di dunia yang menyediakan pelbagai perkhidmatan kerajaan dan swasta di bawah satu bumbung sekali gus memudahkan urusan rakyat.

Ahmad Zahid berkata, sebagai orang yang terbabit secara dekat dalam penubuhan UTC, beliau mengakui ia bukan tugas yang mudah pada peringkat awal. "Pertama, tidak mudah untuk mengumpulkan pihak kerajaan dan swasta di bawah satu bumbung, selain kekangan bajet dan penempatan pegawai. "Kerajaan juga melihat bagaimana untuk menggunakan sepenuhnya bangunan kerajaan yang berstatus gajah putih, serta tempoh masa yang diberikan untuk menyiapkan projek UTC ini dan mereka ternyata sempat melakukannya.

"Tiga elemen ini perlu disebutkan walaupun ada yang menganggap (UTC) ini biasa saja," katanya ketika berucap pada Majlis Penghargaan Pengurusan UTC Bersama Timbalan Perdana Menteri di sini, malam ini. Yang turut hadir, Timbalan Menteri Kewangan I, Datuk Othman Aziz; Pengerusi Lembaga Pengarah Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI), Tan Sri Mohd Ali Rustam dan Pengarah Unit Strategi Nasional, Kementerian Kewangan,

Datuk Dr Aminuddin Hassim. Ahmad Zahid berkata, walaupun ada segelintir pihak yang enggan mengakui UTC sebagai program transformasi kerajaan, namun ia sebenarnya adalah titik penukaran minda dan perubahan sikap kerajaan dalam memberikan perkhidmatan kepada rakyat. Justeru, beliau mahu pengurusan UTC menggandakan usaha untuk mengubah persepsi pihak berkenaan supaya dapat melihat keberkesanan sebenar transformasi yang dilaksanakan.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

UTC projek luar biasa, bertaraf dunia

PUTRAJAYA— Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi menyifatkan penubuhan Pusat Transformasi Bandar (UTC) sebagai produk tempatan yang sangat luar biasa dan berkelas dunia. Timbalan Perdana Menteri berkata, kejayaan kerajaan menghimpunkan pelbagai jabatan dan agensi kerajaan serta agensi swasta di bawah satu bumbung merupakan satu usaha inovatif dan kreatif yang tidak pernah dilakukan negara lain.

"Sebenarnya tidak mudah untuk menghimpunkan semua jabatan dan agensi di bawah satu bumbung kerana masing-masing mempunyai keutamaan tersendiri selain isu kekangan bajet dan pekerja. "Kejayaan membangunkan UTC perlu dipuji kerana usaha ini sangat kreatif dan berada pada tahap dunia," katanya ketika berucap dalam majlis penghargaan kepada pengurusan UTC di sini hari ini.

Yang hadir sama Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Othman Aziz; Pengerusi Lembaga Pengarah Dunia Melayu Dunia Islam, Tan Sri Dr. Mohd. Ali Rustam; Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Datuk Seri Hashmuddin Mohamad dan Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Noor Rashid Ismail. Ahmad Zahid juga menyifatkan penubuhan UTC sangat dekat dengan hatinya kerana

turut bersama-sama Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak merangka projek tersebut di seluruh negara. Mengulas lanjut Timbalan Perdana Menteri berkata, UTC juga memperlihatkan kejayaan kerajaan dalam mengubah bangunan terbengkalai atau projek gajah putih sebagai projek yang bermanfaat untuk rakyat.

Katanya, lebih membanggakan apabila projek UTC dapat disiapkan dalam tempoh yang singkat dan mampu menawarkan pelbagai perkhidmatan kepada rakyat. Sehubungan itu, beliau meminta orang ramai supaya menghargai usaha kerajaan yang telah berjaya melaksanakan pelbagai program demi keutamaan dan kesejahteraan rakyat. "Masih ramai yang memekakkan telinga dan membutakan mata dengan tidak mahu mengakui keberkesanan program transformasi kerajaan ini walhal lebih 40 juta pengguna telah mendapatkan perkhidmatan di 18 UTC di seluruh negara," katanya.

Sementara itu Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr. Mohd. Irwan Serigar Abdullah dalam teks ucapan yang dibacakan oleh Pengarah Unit Strategi Nasional Kementerian Kewangan, Datuk Dr. Aminuddin Hassim berkata, sejak UTC mula beroperasi pada 2012 seramai 45.8 juta orang telah mendapatkan perkhidmatan. Menurutnya, sepanjang tahun lalu sahaja seramai 14.2 juta pengunjung telah mendapatkan perkhidmatan berbanding 11.4 juta bagi tahun sebelumnya

AKHBAR : BERNAMA

UTC Is A World Class Product – DPM

PUTRAJAYA, May 17 (Bernama) -- The Urban Transformation Centre (UTC), which was created to facilitate a variety of services under one roof for the people's convenience, is a world-class product, said Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi. He said the UTC which was an initiative under the National Blue Ocean Strategy has created history as the most extraordinary local product ever generated.

He said a total of 45.8 million people had utilised the services from various government departments and agencies at 18 UTCs in the country since its inception in 2012. "The establishment of the UTCs was to ensure delivery of government services to the people were carried out in the most innovative and creative way. "The concept of the UTC which brings together various government departments, agencies and the private sector under one roof can only be found here in Malaysia and is the first of its kind in the world, " he said at a UTC Management event here Wednesday night. Ahmad Zahid said three elements had played an important role in making the UTC as outstanding service providers.

"Firstly, we had constraints in terms of the UTC set up, staff shortage and placement and the budget to be implemented. "It is not easy for government departments and agencies to be involved in the UTC operations until today. The establishment of the UTC which has now become a successful and creative service provider should be commended," he said. In the meantime, he said by renovating and transforming 'white elephant' building projects to be used as UTC proved to be a success for the government'.

"We were thinking in terms of creating added value to existing buildings to be used as service centres offering a variety of services to the people. "In addition, through excellent management the renovation and transformation of the buildings were completed within the time frame," he said. Meanwhile, Ahmad Zahid described the establishment of the UTC as very close to his heart because he had worked together with the prime minister in developing the project. At the event, Ahmad Zahid also launched the UTC Establishment and Management Guidebook which explained in detail the roles and responsibilities of UTC managers in managing the UTC, including operation hours, rental of office space, maintenance, utility fees and UTC asset management.

ISU : PERANAN DKP

BIL	TARIKH	AKHBAR & TAJUK BERITA	PIHAK TERLIBAT
1	18 MEI 2017 (KHAMIS)	SINAR HARIAN JKKP mahukan peranan DKP dimaksimumkan	JKKP PERKESO

AKHBAR : SINAR HARIAN

JKKP mahukan peranan DKP dimaksimumkan

ALOR SETAR - Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) mahukan peranan Doktor Kesihatan Pekerjaan (DKP) dimaksimumkan dalam mengenal pasti kes-kes membabitkan penyakit dan keracunan yang menimpa pekerja berpunca daripada aktiviti dan persekitaran di tempat kerja. Pengarah Bahagian Kesihatan Pekerjaan JKKP, Dr Ahmad Fitri Abdullah Hair berkata, pihaknya hanya menerima kira-kira 7,080 kes mengenai penyakit berkaitan pekerjaan pada 2015 dan jumlah itu adalah sangat rendah.

JKKP menasaskan peningkatan laporan berkaitan penyakit pekerjaan kepada 30 peratus daripada perangkaan 2015 menjelang 2020 melalui Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHMP2020), katanya selepas perasmian Program Dialog Pengamal Perubatan Zon Utara 2017 di sini hari ini. "Dalam masa yang sama, kami turut mendapatkan kerjasama daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) untuk mengetahui jumlah pekerja yang mengalami penyakit pekerjaan seperti kehilangan deria dengar, penyakit berkait pernafasan atau kulit malah barah kerana penyakit pekerjaan ini mengambil tempoh yang lama untuk dikesan. Ahmad Fitri juga berkata sepanjang 2016, sebanyak 3,040 laporan pengawasan perubatan diterima di seluruh Malaysia.

"Agak membimbangkan kerana laporan pengawasan hanya diterima dari 170 DKP sedangkan terdapat 562 DKP yang aktif di seluruh negara. Kami percaya, faktor jumlah pekerja-majikan yang ramai berbanding DKP dan isu kontrak di antara DKP dengan klinik panel majikan menjadi faktor yang menyumbang kepada jumlah pelaporan oleh DKP tersebut," katanya. Ahmad Fitri turut berkata, ketika ini masih ramai majikan yang tidak faham kepentingan pengawasan perubatan dan ada antara mereka hanya melakukannya selepas mendapat arahan dari JKKP di sebabkan kesedaran yang rendah antara Pegawai Keselamatan dan Kesihatan (SHO) dan majikan.

"Di bawah OSHMP2020, kami menetapkan keberhasilan untuk meningkatkan kesedaran majikan, pekerja dan pengamal keselamatan dan kesihatan pekerja terhadap faktor kebersihan dalam industri," Program itu dirasmikan oleh Pengarah JKKP Kedah Hazlina Yon dengan kehadiran lebih 50 Doktor Kesihatan Pekerjaan (DKP) dan pengamal perubatan dari Perlis, Kedah dan Pulau Pinang.